

28/10/1997

Mat Isa calon Barisan di Changkat Jering

IPOH, Isnin - Ketua Umno bahagian Bukit Gantang, Mat Isa Ismail dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Changkat Jering, 8 November ini.

Ketika membuat pengumuman itu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak dan Pengerusi BN negeri berkata pemilihan itu dibuat berdasarkan pengalaman luas Mat Isa dalam politik, termasuk memegang jawatan penting di peringkat bahagian.

"Berdasarkan pengalamannya dalam politik dan hubungan yang baik dengan semua pihak, kerajaan yakin beliau adalah calon yang sesuai untuk mendapat kemenangan dengan majoriti besar.

"Beliau juga mampu menjalankan tugas dengan berkesan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Datuk Mohamed Razlan Abdul Hamid pada 26 September lalu. Dalam pilihan raya umum 1995, Mohamed Razlan menewaskan calon Pas, Hawari Che Putih dengan majoriti 6,402 undi.

Menurut Ramli, pemilihan Mat Isa juga sudah mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno.

Beliau berkata, semua persiapan BN kini berjalan lancar dan pada penamaan calon, Rabu ini, dianggarkan antara 5,000 dan 10,000 penyokong parti komponen akan hadir.

"Kerajaan yakin kerjasama rapat antara parti komponen BN akan memudahkan calon parti itu mempertahankan kerusi berkenaan," katanya.

Mat Isa, 48, yang sudah menyertai Umno sejak 20 tahun lalu adalah bekas guru dan kini menjadi ahli perniagaan.

Beliau juga pernah memegang beberapa jawatan lain, termasuk Ketua Pemuda Umno bahagian Bukit Gantang antara 1982 dan 1993.

Selain itu, beliau pernah menjadi Setiausaha Eksekutif Pemuda Umno mulai 1987 hingga 1993 dan Setiausaha Sulit bekas Menteri Pertahanan yang kini Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dari 1993 hingga 1995.

Selain itu, Mat Isa kini adalah Ketua Gerakan Belia 4B Bukit Gantang, Pengarah Urusan Norlina Holdings Sdn Bhd dan Pengerusi Destiria Travel and Tours.

Sementara itu, Mat Isa yang juga anak jati Bukit Gantang berkata, beliau akan meneruskan usaha Mohamed Razlan membawa pembangunan di kawasan itu.

"Saya amat berterima kasih kepada Menteri Besar dan Perdana Menteri yang memilih saya mewakili BN bagi pilihan raya kecil kawasan itu kali ini. Saya akan berusaha mencatat kemenangan dengan majoriti lebih besar," katanya.

Pegawai Pilihanraya negeri, Nik Mustaffa Nik Mat pula berkata penamaan calon akan berlangsung di bilik gerakan Pejabat Daerah Larut Matang dan Selama di Taiping antara jam 9 dan 11 pagi.

Menurutnya, setakat ini, lima borang pencalonan sudah dikeluarkan, masing-masing satu kepada BN, DAP dan Pas, manakala dua lagi kepada calon bebas.

(END)